



PETIKAN AKHBAR

132,118 dapat pekerjaan melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 07 APRIL 2021



KUALA LUMPUR, 7 April – Seramai 132,118 individu berjaya mendapat pekerjaan melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan, setakat 26 Mac, 2021, berbanding 131,568 pada minggu sebelumnya.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuklah pembuatan serta perdagangan borong dan runcit.

Bagi Permohonan Program Subsidi Upah (PSU) 1.0 yang diluluskan setakat Februari 26, 2021, ia telah pun mencapai nilai RM12.841 bilion melibatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja.

"Bagi PSU 2.0, setakat Mac 26, 2021, sejumlah RM1.112 bilion telah disalurkan kepada 72,875 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 626,955 pekerja," katanya ketika membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana) ke-48, pada Rabu.

Tengku Zafrul berkata bagi Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran, seramai 137,290 peserta diluluskan untuk mengambil bahagian dalam program yang disediakan.

Katanya, kerajaan turut melancarkan HRDF Placment Centre (HPC) iaitu pusat penempatan pekerja yang bertujuan untuk mempromosi peluang pekerjaan serta memadankan calon yang sesuai dengan perniagaan, organisasi dan industri yang tepat.

"Untuk mencapai hasrat ini HPC komited bukan sahaja untuk menyediakan kursus latihan tetapi juga perkhidmatan nilai tambah yang dapat membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mencari kerja.

"Platform penempatan ini memberi penekanan pada pembangunan peribadi pencari kerja melalui perancangan dan bimbingan kerjaya, pepadanan pekerjaan serta kaunseling," jelasnya.

Menurutnya, program seperti itu membuktikan kesungguhan kerajaan untuk mencapai sasaran 500,000 peluang pekerjaan menjelang hujung tahun ini.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata, antara inisiatif lain oleh kerajaan dalam penjanaaan pekerjaan adalah penganjuran Karnival Penjana Kerjaya Terengganu 2021 pada 3-4 April dengan seramai 4,631 pencari pekerjaan telah ditemuduga dan 982 calon ditawarkan jawatan manakala 1,257 calon lagi akan menjalani temuduga pusingan kedua.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK